

Media : Sinar Harian

Date : 2 Apr 2019

Kempen Campur, Campur, Siap! jelajah Pantai Timur

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) meneruskan 'Kempen Campur, Campur, Siap!' ke Pantai Timur baru-baru ini selepas mendapat sambutan menggalakkan ketika dilaksanakan di Lembah Klang pada Ogos tahun lalu.

Kempen yang baru melabuhkan tirainya bulan lalu, membawa lebih banyak aktiviti dan perkongsian maklumat yang menarik khusus untuk masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan untuk orang awam termasuk demonstrasi memasak, pengagihan sampel basah sayur labu campur dan pertandingan 'Watch & Win' untuk penonton memenangi hadiah dan cenderamata menarik.

AMB dalam kenyataannya berkata, penganjuran aktiviti-aktiviti ini dijayakan menggunakan Trak Aji-No-Moto yang bergerak meliputi kawasan Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu bermula Februari sehingga Mac 2019.

"Trak ini berada di kawasan pasar basah, pusat perdagangan moden dan kawasan-

kawasan pejabat.

"Orang ramai boleh mengesan kehadiran Trak Aji-No-Moto melalui maklumat terkini daripada laman *Facebook MyAjinomoto* dan pengumuman melalui siaran radio THR Gegegar," katanya dalam kenyataan itu.

Tambah menarik, pengunjung berpeluang merakamkan foto dengan trak Aji-No-Moto serta memuat naik gambar tersebut di laman *Facebook* dengan hashtag #CatchAjiTruck yang merupakan salah satu acara utama bagi pengunjung memenangi hadiah tambahan.

"Syarikat Aji-No-Moto memberikan tumpuan terhadap usaha menangani keperluan sosial dan terus berusaha mempromosikan diet seimbang yang sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Kempen ini pula adalah salah satu inisiatif menggalakkan pengambilan sayur-sayuran yang lebih banyak bagi menjamin kehidupan lebih sihat.

"Sekali gus kempen ini selari dengan misi penciptaan nilai bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) yang terus berusaha beri in-



Salah seorang pengunjung yang mengikuti aktiviti demonstrasi memasak ketika kempen Ajinomoto.

spirasi kepada suri-suri rumah menyediakan hidangan sayur campur yang ringkas, berkhasiat dan lazat," katanya.